

**Agong Terima Kunjungan Perdana Menteri Thailand
Bernama
20 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menerima kunjungan Perdana Menteri Thailand Yingluck Shinawatra di Istana Negara, di sini Isnin.

Tuanku Abdul Halim diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah meluangkan masa kira-kira 20 minit berbincang dengan Yingluck dan delegasi beliau, termasuk Menteri Pertahanan Thailand Sukumpol Sawanatat, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Luar Datuk Richard Riot dan Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Nazirah Hussain.

Yingluck, 45, sedang dalam rangka lawatan sulungnya ke negara ini selepas menyandang jawatan perdana menteri pada Ogos tahun lepas.

Terdahulu, Yingluck diberikan sambutan rasmi dan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646793>